

10 JUN 2003

I

M'SIA SENTIASA MAHUKAN PEMBEBASAN AUNG SAN SUU KYI - DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 10 Jun (Bernama) -- Malaysia sentiasa mahukan pembebasan pemimpin prodemokrasi Myanmar Aung San Suu Kyi kerana ia menjadi pendirian negara ini sejak sekian lama, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita telah memaklumkan pendirian kita bahawa Aung San Suu Kyi perlu dibebaskan segera," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan dialog praBajet 2004 di Kementerian Kewangan di sini, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai kejayaan wakil khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Tan Sri Razali Ismail menemui Suu Kyi selama sejam di ibu pejabat junta di Yangon hari ini.

Dalam pertemuan itu, Razali berkata Suu Kyi, yang tidak cedera, tidak memberikan maklumat mengenai kadar kematian akibat pertempuran pada hujung bulan lepas, yang para penyokongnya mendakwa bahawa 75 orang terkorban dalam kejadian itu.

Ditanya sama ada Malaysia akan mengenakan tekanan bagi pembebasan Suu Kyi, beliau berkata, " Saya tak tahu... sama ada kita boleh gunakan sekatan. Kita tidak mahu terikut-ikut melakukan tekanan sebegitu."

Dr Mahathir berkata perkembangan terkini di Myanmar itu mungkin memberi kesan kepada ASEAN.

-- BERNAMA

RIZ NAK